

Hadi akui kejayaan kepimp'inan Dr. M

UM 23 JUN 2003

Oleh
KAMARUDIN MAT AKIB

KUALA TERENGGANU 22 Jun — Pemangku Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang mengakui kepimpinan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berjaya melakukan reformasi dalam pembangunan negara termasuk memberi tempat kepada kaum bumiputera di bidang ekonomi.

Menurutnya, ramai usahawan bumiputera telah diberi peluang menceburi bidang ekonomi pada zaman era pemerintahan Perdana Menteri berbanding sewaktu negara ini diperintah oleh beberapa pemimpin UMNO terdahulu.

Malah, Abdul Hadi tu-

rut menegaskan beberapa pendekatan yang dilakukan oleh Dr. Mahathir dalam mentadbir negara terutama semasa keagawatan ekonomi memang wajar dilakukan.

“Walaupun saya mengkritik beliau, (tetapi) terdapat beberapa reformasi yang dilakukan Dr. Mahathir di dalam pemerintahannya yang tidak dilakukan pemimpin UMNO terdahulu.

“Di antaranya ialah usaha yang dilakukan oleh beliau untuk memberi tempat kepada orang-orang Melayu di dalam ekonomi, itu kita tidak nafi,” katanya ketika ditemui di pejabatnya di Wisma Darul Iman di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengu-

las mengenai ucapan penangguhan Dr. Mahathir sempena perhimpunan Agung UMNO 2003 di Kuala Lumpur, petang semalam.

Abdul Hadi berkata, keputusan Dr. Mahathir menolak tawaran pinjaman daripada Dana Kewangan Antarabangsa (IMF) juga patut dipuji dalam memastikan kewangan negara tidak dikuasai oleh pihak asing.

Namun begitu katanya, masih ada ruang yang perlu dibaiki oleh pemimpin yang mengambil alih pemerintahan negara ini khususnya dalam usaha memberi ruang lebih luas kepada bumiputera selain dalam bidang ekonomi.

“Ini termasuk menyuburkan lagi proses demokrasi dengan memberi ru-

ang kepada semua parti politik untuk mengadakan ceramah-ceramah,” ujar beliau.

Mengulas mengenai beberapa kenyataan Dr. Mahathir yang mengecam Pas pada ucapan penggulungannya semalam, Abdul Hadi berkata: “Itu tanda Pas sebuah parti yang kuat dan menjadi pencabar kepada UMNO serta dianggap berbahaya kepada UMNO.”

Sementara itu di Rantau Panjang, Hadi mendakwa, Dr. Mahathir sengaja menjadikan Pas sebagai sasaran dalam ucapan penggulungannya itu kerana mahu mengelak daripada menyentuh perkara dalaman UMNO sendiri.